

TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT TUDM TAHUN 2017



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2143-tilawah-al-quran-peringkat-tudm-tahun-2017

BANTING, 25 Jul 17 - Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat TUDM bagi Tahun 2017 telah dilaksanakan di Wisma Ahli Udara, Rejimen TUDM Jugra yang bertemakan 'Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah'. Seramai 12 peserta terdiri daripada empat peserta pegawai, empat peserta Qari LLP dan empat peserta Qariah yang mewakili zon masing-masing telah memperdengarkan bacaan.

Bagi kategori pegawai telah dimenangi oleh Mej Hj Muhammad Hamzani bin Hj Mahmud TUDM mewakili Zon Utara. Kategori Qari LLP telah dimenangi oleh Kpl U Mohamad Ghazali bin Zakaria mewakili Zon Tengah. Manakala Johan Kategori Qariah dimenangi oleh LUK Umi Kalsom binti Bakar mewakili Zon Utara

Johan keseluruhan bagi Tilawah Al-Quran bagi Tahun 2017 telah dinobatkan kepada Zon Utara. Setiap pemenang akan mewakili TUDM di dalam Tilawah Peringkat ATM nanti.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM diiringi Pegawai Memerintah Rejimen TUDM, Kol Hj Khalil bin Mohd Ali TUDM merangkap Pengurus Jawatankuasa Tilawah Al-Quran Peringkat TUDM.

Majlis pada hari ini turut diserikan dengan persembahan kumpulan Nasyid Badiuzzaman dari Maahad Tahfiz Integrasi Sains, Kampung Bandar, Banting Selangor.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Panglima Pendidikan Latihan dan Udara, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan TUDM yang lain.



